

Headline	Firdaus keluar hospital Jumaat ini		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	10	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	315 cm ²
Journalist	Hamizah Basir	AdValue	RM 4,791
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,373



Firdaus keluar hospital Jumaat ini

■ HAMIZAH BASIR

SEREMBAN – Remaja OKU, Muhammad Firdaus Dullah, 15, yang ditemui dalam keadaan terabai di sebuah rumah di Flat Taman Semarak, Nilai, di sini, pada 21 Jun lalu, dijangka dibenarkan keluar Hospital Tuanku Jaafar (HTJ), Jumaat ini atau minggu depan.

Khabar gembira itu disampaikan sendiri oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang meluangkan masa melawat Muhammad Firdaus di HTJ, kira-kira jam 11.30 pagi semalam.

Rosmah yang juga Yang Dipertua Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) memberitahu, dia gembira melihat perkembangan positif Muhammad Firdaus selepas menerima rawatan di hospital.

"Saya lihat adik Firdaus semakin sembuh dan badannya

sudah naik 2.3 kilogram. Insha-ALLAH, Firdaus dibenarkan keluar hospital Jumaat ini atau minggu depan sebelum diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri.

"Saya gembira melihat anak ini sudah sihat dan berterima kasih kepada pihak hospital, JKM dan mana-mana pihak yang banyak membantu Firdaus," katanya, semalam.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Isteri-Isteri Wakil Rakyat dan Pegawai-pegawai Kanan Negeri Sembilan (Pekerti), Raja Datin Seri Salbiah Tengku Nujumuddin.

Dalam lawatan itu, Bakti turut menyampaikan sumbang-

an sebanyak RM1,000 dan kelengkapan hari raya serta sumbangan peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, sebanyak RM1,000.

"Tabung Haji juga menderma sebanyak RM11,011 menjadikan jumlah keseluruhan terkumpul sebanyak RM27,348.70.

"Saya berharap orang ramai akan terus menderma sempena bulan baik ini kepada akaun Tabung Muhammad Firdaus," katanya.

Katanya lagi, dia berharap mana-mana ibu bapa tidak meninggalkan anak mereka dan berharap insiden yang menimpa Firdaus tidak berulang selepas ini.

Sementara itu, Rohani berkata, Muhammad Firdaus akan ditempatkan di Taman

Sinar Harapan Tunku Ampuan Najihah, Temiang, Seremban,

di sini, iaitu rumah di bawah jagaan JKM negeri.

"Muhammad Firdaus akan ditempatkan bersama adiknya, Muhammad Haziq Mohd Jalili, 7, yang kini berada di rumah kebajikan kami.

"Sehingga kini, keluarga terdekat Muhammad Firdaus masih belum dapat dikesan dan kita masih menjejak waris terutamanya keluarga sebelah bapa," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Datuk Dr Zailan Adnan, berkata, meskipun Muhammad Firdaus dibenarkan keluar dan diletakkan di bawah JKM, pihaknya akan tetap memantau tahap kesihatan remaja OKU itu.

"Kita akan minta JKM hantar Muhammad Firdaus ke hospital setiap minggu bagi menjalankan pemeriksaan untuk memastikan dia sihat," katanya.



Rosmah melawat Muhammad Firdaus di HTJ, Seremban, semalam.